

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2021)**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN ANYI NGAU (BARAM)
TARIKH JAWAB : 23 NOVEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

TUAN ANYI NGAU minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan rancangan Kementerian berkenaan permohonan penyediaan khidmat Balai Bomba di Pekan Beluru dan Long Lama serta rancangan khidmat bomba di rumah-rumah panjang di kawasan pedalaman.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian ini melalui Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) telah mengenal pasti dan sedang dalam proses permohonan pemilikan tapak tanah seluas 1.99 ekar di kawasan Pekan Beluru serta 4.0 ekar di kawasan Long Lama bagi tujuan pembinaan balai bomba kategori D. Walau bagaimanapun, pelaksanaan bagi pembinaan kedua-dua balai bomba tersebut adalah bergantung kepada ketersediaan tapak tanah berkenaan dan juga kos yang terlibat.

SOALAN NO : 9

Pada masa ini, kawasan Pekan Beluru mendapat khidmat kebombaian daripada Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Lopeng dengan jarak 70 kilometer yang mengambil masa lebih kurang 1 jam 15 minit untuk sampai ke kawasan tersebut. Bagi kawasan Long Lama pula, kawasan ini adalah di bawah jagaan BBP Marudi yang jaraknya 126 kilometer dengan mengambil masa 3 jam 25 minit untuk sampai.

Justeru itu, Kementerian berpandangan bahawa penubuhan Pasukan Bomba Sukarela (PBS) adalah merupakan langkah yang paling sesuai dalam memastikan penduduk di kedua-dua kawasan tersebut mendapat khidmat kebombaian di peringkat awal.

Kawasan Pekan Beluru mendapat perlindungan kebakaran daripada Pasukan Bomba Sukarela (PBS) Sungai Sebatang Bok Miri yang baru ditubuhkan pada bulan Mac 2021 dengan keanggotaan seramai 7 orang ahli. Kawasan Long Lama pula mendapat perlindungan kebakaran daripada PBS Long Lama yang juga baru ditubuhkan pada bulan September 2021 dengan keanggotaan seramai 7 orang ahli. Bagi meningkatkan keupayaan PBS di kedua-dua kawasan tersebut, Kementerian melalui JBPM akan membekalkan peralatan perlindungan diri (PPE) melalui JBPM negeri Sarawak. Selain itu, keperluan melibatkan peralatan asas pemadaman dan jentera juga akan dibekalkan bergantung kepada peruntukan kewangan semasa.

Kementerian ini sentiasa memandang serius berhubung isu-isu keselamatan melibatkan rumah panjang serta penempatan yang berada jauh daripada balai bomba. Oleh yang demikian, beberapa langkah proaktif telah dan akan diambil dalam memperkasakan pasukan bantuan awal dengan penglibatan komuniti setempat melalui inisiatif seperti berikut:

SOALAN NO : 9

- a) menubuhkan **PBS** di kawasan rumah panjang dan pedalaman bagi membantu dalam proses pemadaman peringkat awal seandainya berlaku sebarang insiden kebakaran;
- b) JBPM memperluas dan memperkasakan penubuhan **Bomba Komuniti**, di mana kefahaman tentang pencegahan kebakaran, latihan kebombaian dan penyediaan peralatan asas kawalan awal kebakaran seperti alat pemadam api, peralatan asas pemadaman seperti pam angkut (bersaiz kecil) dan hos akan disediakan dan dibekalkan;
- c) mempertingkatkan **Program Community Emergency Response Team (CERT)** yang juga merupakan salah satu inisiatif Kerajaan Negeri Sarawak bertujuan untuk melatih masyarakat atau komuniti setempat di suatu lokaliti agar mampu bertindak sebagai pasukan tindak balas awal kecemasan (*first responder*); dan
- d) melaksanakan kempen kesedaran keselamatan kebakaran melalui program 1 Rumah 1 Alat Pemadam Api (1RAPI), Sedia Urus Isi Rumah (SURI) dan penyediaan alat pengesan asap serta gas (*MyAlert*).

Kementerian melalui JBPM juga akan terus memantapkan hubungan kerjasama dengan pihak kerajaan negeri, syarikat swasta dan *Non-Governmental Organizations* (NGO) melalui program *Corporate Social Responsibility* (CSR) dalam mengadakan latihan dan pencegahan di kawasan-kawasan rumah panjang atau pedalaman (*Outreach* dan *Summer Camp*).

Sekian, terima kasih.